

MAC
2024

Rapport Kefinianan

PKNP

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG

PENGGERAK

EDISI KOMPUTER | www.pknp.gov.my

MENTERI BESAR PAHANG MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT AHLI PERBADANAN PKNP DAN BERBUKA PUASA BERSAMA WARGA KERJA KUMPULAN PKNP



YAB Menteri Besar menyampaikan sumbangan kepada 60 orang pelajar tahniz sambil diiringi Ketua Pegawai Eksekutif PKNP

Kuantan, 21 Mac - YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail mempengerusikan Mesyuarat Ahli Perbadanan PKNP Bil.1 /2024 di BCIC Lodge, Bandar Indera Mahkota, Kuantan.

Seterusnya, YAB. Dato' Sri Haji Wan Rosdy yang juga merangkap Pengurus PKNP telah meluangkan masa berbuka puasa dan menunaikan solat maghrib bersama hampir 280 orang Warga Kerja Kumpulan PKNP.

Beliau turut memberikan sumbangan kepada 60 orang pelajar tahniz dari Maahad Tahfiz Baitul Hasanah, Kuantan.

Turut hadir pada majlis ini adalah Setiausaha Kerajaan Pahang, Dato' Sri Haji Zulkifli bin Haji Yaacob, Ahli - Ahli Perbadanan PKNP, Pengurusan PKNP, Pegawai Kanan Anak Syarikat serta Warga Kerja Kumpulan PKNP.

PKNP ANJUR PROGRAM MEMASAK DAN AGIHAN GULAI KAWAH SEMPENA IHYA RAMADAN 1445H

Kuantan, 14 Mac - PKNP telah menganjurkan Program Memasak Gulai Kawah Sempena Ihya Ramadhan 1445H bertempat di perkarangan Kompleks Teruntum.

Penganjuran program yang dibuat saban tahun ini melibatkan sebilangan anggota pekerja PKNP yang bergotong-royong dalam penyediaan bahan masakan sehingga ke proses akhir iaitu pengagihan gulai kawah kepada kakitangan PKNP, jabatan/organisasi di Kompleks Teruntum serta orang awam.

Penganjuran program ini turut dimeriahkan dengan kehadiran Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Y.H. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) PKNP, Y.Bhg. Datin Hajah Noraskin binti Jamaludin dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) PKNP, Encik Mohd Razif bin Abdul Malek yang turut sama membantu persiapan serta memasak gulai kawah tersebut.

Pada hari yang sama di sebelah petang pula, PKNP telah turut serta dalam program Ihya Ramadhan 1445H Peringkat Negeri Pahang anjuran Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) yang mana PKNP telah mengagihkan sebanyak 200 bekas gulai kawah kepada orang awam bertempat di Padang MBK 1, Kuantan.



Ketua Pegawai Eksekutif PKNP dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) PKNP hadir bagi memasak gulai kawah



Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) PKNP turut hadir bagi membantu penyediaan gulai kawah

BENGKEL SEMAKAN PELAN STRATEGIK PKNP 2024



Barisan Peserta Bengkel Semakan Pelan Strategik PKNP 2024

Kuantan, 4 Mac - Bengkel Semakan Pelan Strategik PKNP 2024 telah berlangsung dengan jayanya bermula sehingga 6 Mac 2024.

Bengkel ini disertai oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan), YBhg. Datin Hajah Noraskin binti Jamaludin, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan), Encik Mohd Razif bin Abdul Malek, barisan Pengurus Bahagian/Unit PKNP dan Pegawai A yang terlibat.

Program yang berlangsung selama tiga hari ini bertujuan bagi menyemak dan membuat pindaan kepada Pelan Strategik PKNP 2021-2026 sedia ada dengan penambahbaikan dari segi kandungan bagi memenuhi hala tuju strategik semasa PKNP.

Disamping itu, Puan Nor Azilah binti Abdul Aziz, Pengurus ICT turut membentangkan Pelan Digital

PKNP yang perlu digariskan dalam Pelan Strategik PKNP sebagai usaha berterusan untuk PKNP bergerak ke arah digitalisasi.

Bengkel ini turut dibantu oleh pihak perunding dari Akademi PKNS Sdn Bhd, Encik Mohd Raihan bin Mohd Tahir bagi menyemak imbang kandungan Pelan Strategik PKNP yang perlu ditambahbaik.

Ketua Pegawai Eksekutif dalam ucapan perasmian beliau menekankan Pelan Strategik PKNP perlu dijadikan panduan dan rujukan utama kepada semua anggota pekerja PKNP bagi menjamin kejayaan PKNP dalam setiap hala tuju yang ingin dicapai pada masa akan datang.



Para peserta tekun melaksanakan salah satu aktiviti berkenaan program

PUSPANITA PKNP RAI 14 ANAK-ANAK DARI RUMAH ANAK-ANAK YATIM DAN MISKIN PEREMPUAN DARUL SALAM AL-MUKHTAR

Kuantan, 19 Mac - Seramai 14 orang anak-anak dari Rumah Anak-Anak Yatim dan Miskin Perempuan Darul Salam Al Mukhtar, Pekan telah diraikan oleh Ahli Jawatankuasa PUSPANITA PKNP bagi membeli kelengkapan menyambut Hari Raya Aidilfitri termasuk baju kurung dan tudung. Seterusnya mereka telah dibawa berbuka puasa yang turut dihadiri oleh Pengerusi PUSPANITA PKNP, Y. Bhg. Datin Zuhaira binti Zainordin.

Semasa majlis berbuka puasa tersebut juga, YH. Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Dato' Mohd Faizal bin Jaafar yang turut meluangkan masa telah menyampaikan sumbangan cek kepada Pengurusan Rumah



Pengurusan PKNP bergambar bersama Rumah Anak-Anak Yatim dan Miskin Perempuan Darul Salam Al Mukhtar sebagai tanda kenang-kenangan

Anak-Anak Yatim dan Miskin Perempuan Darul Salam Al Mukhtar, Pekan seterusnya menyempurnakan sesi pemberian duit raya kepada anak-anak yatim yang hadir.

Turut hadir bersama semasa majlis berbuka puasa tersebut adalah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) PKNP, Encik Mohd Razif bin Abdul Malek, Timbalan Pengerusi 1 PUSPANITA PKNP, Puan Masturul Jannah binti Rashid serta AJK-AJK PUSPANITA PKNP.

Pengerusi PUSPANITA PKNP menyampaikan sumbangan kepada anak-anak yatim



SESI PEMBENTANGAN KPI 2023 DAN PELAN PERNIAGAAN 2024 ANAK SYARIKAT KUMPULAN PKNP

Kuantan, 4 Mac - Sesi Pembentangan KPI 2023 dan Pelan Perniagaan 2024 Anak Syarikat Kumpulan PKNP telah berlangsung dengan jayanya.

Sesi ini disertai oleh syarikat-syarikat milik penuh PKNP iaitu PKNP Mineral Industries Sdn Bhd, PKNP Agro-Tech Sdn Bhd, RT Development And Engineering Sdn Bhd, BCIC Holdings Sdn Bhd, Realistic Attraction Sdn Bhd (Tenun Pahang Soi) dan Rumpun Timur Sdn Bhd.

Program yang berlangsung di sebelah petang ini dihadiri oleh seramai 20 orang dikalangan Ahli Lembaga Pengarah dan barisan pengurusan anak syarikat. Turut hadir ialah Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan), YBhg. Datin Hajah Noraskin binti Jamaludin.

Ketua Pegawai Eksekutif dalam ucapannya berkata dalam kelembapan ekonomi, syarikat perlu tahu kemampuan dan memanfaatkan peluang kerana kejayaan sesebuah syarikat terletak kepada keupayaan syarikat untuk terus meningkatkan produktiviti bagi memenuhi permintaan pasaran.



Barisan Peserta Pembentangan KPI 2023 dan Pelan Perniagaan 2024 Anak Syarikat Kumpulan PKNP

PROGRAM INFaq RAMADAN PKNP 2024 – PKNP RAI ANAK-ANAK YATIM DI SEKITAR KUANTAN

Kuantan, 28 Mac - PKNP telah mengambil inisiatif menganjurkan Program Infaq Ramadan PKNP 2024 sebagai salah satu program lhy Ramadhan dengan menaja berbuka puasa anak-anak yatim dari pelbagai Pertubuhan dan Institusi yang berdaftar di sekitar Daerah Kuantan.

Program yang telah diadakan di The BCIC Lodge, Bandar Indera Mahkota dianjurkan selama tiga (3) hari iaitu pada 28 Mac 2024, 1 April 2024 dan 2 April 2024 telah meraikan seramai 167 orang secara keseluruhannya dan antara Pertubuhan/Pusat/Rumah Anak Yatim yang telah dijemput hadir adalah Pusat Jagaan Chahaya, Akademi Yayasan Alsultan Abdullah, Rumah Anak Yatim dan Miskin Dynasti serta Badan Kebajikan Anak Yatim Hembusan Kasih Sayang.

Dalam Program Infaq Ramadhan tersebut, PKNP juga telah menyerahkan sumbangan zakat kepada anak-anak yatim untuk ketiga-tiga hari pengajuran yang mana sumbangan telah disampaikan oleh YH. Ketua Pegawai Eksekutif, Dato' Mohd Faizal bin Jaafar, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan), Y.Bhg. Datin Hajah Noraskin binti Jamaludin dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan), Encik Mohd Razif bin Abdul Malek.

SUMBANGAN ZAKAT PKNP UKIR SENYUMAN DI WAJAH GOLONGAN MUALAF DI NEGERI PAHANG



Ketua Pegawai Eksekutif menyampaikan ucapan

Kuantan, 18 Mac - YH. Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Dato' Mohd Faizal bin Jaafar telah menghadiri Majlis Berbuka Puasa anjuran Persatuan Chinese Muslim Malaysia (MACMA) Cawangan Pahang bertempat di Kimstone Ballroom, Kompleks Teruntum.

Majlis yang dihadiri oleh seramai 220 orang yang terdiri daripada mualaf dari Persatuan MACMA serta jabatan/agensi Kerajaan Negeri Pahang turut menyaksikan sesi penyerahan sumbangan zakat PKNP kepada golongan mualaf yang dikategorikan sebagai kurang berkemampuan iaitu seramai 108 orang.

Turut hadir dipihak PKNP adalah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) PKNP, Encik Mohd Razif bin Abdul Malek, Pengurus Hal Ehwal Korporat PKNP, Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim serta Pegawai Perhubungan Korporat PKNP.

Semoga sumbangan yang diberikan dibelanjakan sebaiknya untuk membeli kelengkapan menyambut Hari Raya Aidilfitri dan anak-anak ini sentiasa bergembira dan bersemangat dalam menjalani ibadah puasa. In Shaa Allah.



Ketua Pegawai Eksekutif menyerahkan sumbangan zakat kepada Badan Kebajikan Anak Yatim Dynasti

GALERI – MAJLIS BERBUKA PUASA PKNP 1445H/2024M



GALERI – PROGRAM GULAI KAWAH SEMPENA IHYA RAMADAN 1445H



Sidang Redaksi

PENAUNG / PENASIHAT
Dato' Mohd Faizal bin Jaafar
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

PENYELARAS PENERBITAN
Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim

KETUA EDITOR
Encik Muhammad Farhan bin Mohd Kamarulzaman

GRAFIK
Puan Sharifah Nur Yusra binti Tuan Rasli

JURUFOTO
Encik Muhammad Amjad bin Mohamad Azhar